# PENGARUH MEDIA MASSA, RAKAN SEBAYA DAN TEKNOLOGI TERHADAP TINGKAH LAKU PORNOGRAFI DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

MUHAMMAD AMIRUL ASHRAAF BIN NORMAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PENGARUH MEDIA MASSA, RAKAN SEBAYA DAN TEKNOLOGI TERHADAP TINGKAH LAKU PORNOGRAFI DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

MUHAMMAD AMIRUL ASHRAAF BIN NORMAN

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Falsafah

Fakulti Teknologi dan Informatik Razak
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2020

# DEDIKASI

Tesis ini saya dedikasikan kepada ayah saya yang telah mengajar betapa berharganya ilmu yang bermanfaat dalam kehidupan. Saya juga mendedikasikan tesis ini kepada ibu saya yang sering memberi kata-kata semangat dan mendoakan kejayaan saya.

# PENGHARGAAN

Sepanjang penulisan tesis ini, banyak pihak ingin perlu saya rakamkan setinggi-tinggi penghargaan. Antaranya ibu, ayah dan keluarga saya yang tidak jemu mendoakan kejayaan saya sehingga ke tahap ini.

Penghargaan yang tidak terhingga juga saya tujukan buat penyelia saya Prof. Madya Datin Dr. Nooraini Othman yang amat saya hormati atas tunjuk ajar dan nasihat beliau sepanjang saya menyempurnakan tesis ini.

Buat sahabat tersayang yang sentiasa bersama dan membantu saya sepanjang tempoh pengajian saya di Universiti Teknologi Malaysia, penghargaan yang tidak terhingga juga saya rakamkan untuk mereka.

# ABSTRAK

Ketagihan pornografi dalam kalangan remaja atau pelajar telah menjadi isu yang serius dikebanyakan negara termasuk Malaysia kerana banyak memberi implikasi negatif kepada kehidupan seluruh masyarakat. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji tingkah laku pornografi dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Untuk mencapai tujuan ini, penyelidikan ini bertujuan untuk memenuhi objektif berikut iaitu mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepadai tingkah laku pornografi dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan hubungan antara pelaksanaan ibadah mereka dengan tingkah laku pornografi. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik untuk mengumpul data kuantitatif daripada 384 orang pelajar sekolah menengah sebagai responden kajian. Satu kajian rintis telah dijalankan ke atas 40 responden dan Model Rasch digunakan untuk menguji tahap kesahan dan kebolehpercayaan item dalam instrumen sebelum pengumpulan data sebenar dijalankan. Analisis Faktor Pengesahan (CFA) juga digunakan untuk mengesahkan item soal selidik bagi setiap konstruk. Untuk analisis dapatan sebenar, Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 21 digunakan untuk analisis data demografi responden untuk melihat sama ada terdapat perbezaan dari segi tingkah laku pornografi antara pelajar dari sekolah berpencapaian tinggi dengan sekolah berpencapaian rendah. Model Persamaan Struktur (SEM) juga digunakan dalam kajian ini untuk mengkaji hubungan antara pemboleh ubah dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tingkah laku pornografi dengan media massa (cr = 6.675) (t>1.96), p = **** (<0.05), rakan sebaya (cr = 6.741) (t>1.96), p = **** (<0.05) dan teknologi (cr = 9.111) (t>1.96), p = **** (<0.05). Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara perlaksanaan ibadah dengan tingkah laku pornografi (cr = 1.068) (t>1.96), p = 0.285). Selanjutnya ujian-t turut menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek tingkah laku pornografi antara responden dari sekolah berpencapaian tinggi dan sekolah berpencapaian rendah. Sebagai kesimpulan, dapatan kajian ini berupaya memberi penambahbaikan polisi sedia ada yang melibatkan isu gejala sosial khususnya untuk mencegah tingkah laku pornografi dalam kalangan remaja. Selanjutnya, kajian ini juga mampu memberi kesedaran kepada seluruh masyarakat untuk memainkan peranan penting dalam mencegah tingkah laku pornografi dalam kalangan remaja di Malaysia.

## ABSTRACT

Pornography addiction among secondary school students or adolescents has been an issue in many countries including Malaysia as it contributes a lot of negative impacts on the lives of the entire community. Hence, the purpose of this study is to study pornography behaviour among high school students. In order to achieve this purpose, this study aims to fulfil the following objectives which are to identify the factors contributing to pornography behaviour among secondary school students and the relationship between their Islamic practice and pornographic behaviour. This is a quantitative research which used questionnaire to collect quantitative data from 384 secondary school students as respondents for the study. A pilot study was conducted on 40 respondents, and the Rasch Model was used to test the validity and reliability of items in the questionnaire before the actual data collection. Confirmatory Factor Analysis (CFA) was also used to validate the questionnaire items for each construct. For the analysis of actual findings, the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 21 was used for respondents' demographic data analysis to find out if there is any significant difference in terms of pornographic behaviour between students in high-achieving and low-achieving schools. Structural Equation Modelling (SEM) was also used in this research to analyse the relationship between the variables in this research. Analysis of the findings showed that there is significant relationship between pornographic behaviour and mass media (cr = 6.675) (t>1.96), p = **** (<0.05), peers (cr = 6.741) (t>1.96), p = **** (<0.05) and technology (cr = 9.111) (t>1.96), p = **** (<0.05). The findings also revealed there is no significant relationship between Islamic practise and pornographic behaviour (cr = 1.068) (t>1.96), p = 0.285 (>0.005). Furthermore, the t-test indicated, there is no significant difference in terms of pornographic behaviour between respondents from high-achieving and low-achieving schools. In conclusion, the findings of this research has the potential to improve the current policy involving social problems, in particular, to curb pornography behaviour among teenagers. Furthermore, this research may also instill awareness to the entire community to play an important role in preventing pornographic behaviour among teenagers in Malaysia.

## SENARAI KANDUNGAN


| | TAJUK | | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| | **PENGAKUAN** | | **iii** |
| | **DEDIKASI** | | **iv** |
| | **PENGHARGAAN** | | **v** |
| | **ABSTRAK** | | **vi** |
| | **ABSTRACT** | | **vii** |
| | **SENARAI KANDUNGAN** | | **viii** |
| | **SENARAI JADUAL** | | **xiii** |
| | **SENARAI RAJAH** | | **xv** |
| | **SENARAI SINGKATAN** | | **xvi** |
| | **SENARAI SIMBOL** | | **xviii** |
| | **SENARAI LAMPIRAN** | | **xix** |
| **BAB 1** | **PENGENALAN** | | **1** |
| | 1.1 | Pengenalan | 1 |
| | 1.2 | Latar Belakang | 3 |
| | 1.3 | Penyataan Masalah | 7 |
| | 1.4 | Objektif Kajian | 10 |
| | 1.5 | Persoalan Kajian | 10 |
| | 1.6 | Hipotesis Kajian | 11 |
| | 1.7 | Skop Kajian | 12 |
| | 1.8 | Kepentingan Kajian | 13 |
| | 1.9 | Kerangka Teori | 15 |
| | 1.10 | Kerangka Konsep | 17 |
| | 1.11 | Definisi Istilah | 18 |
| | | 1.11.1 Pornografi | 18 |
| | | 1.11.2 Tingkah Laku | 19 |
| | | 1.11.3 Perlaksanaan Ibadah | 19 |
| | | 1.11.4 Penghayatan Ibadah | 20 |

|  |  |  |
|---|---|---|
| | 1.11.5 Media Massa | 20 |
| | 1.11.6 Rakan Sebaya | 21 |
| | 1.11.8 Pengaruh Teknologi | 21 |
| | 1.12 Kesimpulan | 22 |
| **BAB 2** | **SOROTAN KAJIAN** | **23** |
| | 2.1 Pengenalan | 23 |
| | 2.2 Konsep Kajian | 25 |
| | 2.2.1 Tingkah Laku | 25 |
| | 2.2.2 Pengaruh Media Massa Dalam Tingkah Laku Pornografi | 27 |
| | 2.2.3 Faktor Rakan Sebaya Dalam Mempengaruhi Tingkah Laku Pornografi | 29 |
| | 2.2.4 Pengaruh Teknologi Dalam Ketagihan Pornografi | 32 |
| | 2.2.5 Kesan Ketagihan Pornografi Dalam Kalangan Pelajar | 33 |
| | 2.2.6 Perlaksanaan Ibadah (Islam) Sebagai Pencegahan Ketagihan Pornografi | 35 |
| | 2.3 Teori Kajian | 37 |
| | 2.3.1 Teori Tingkah Laku Sosial | 38 |
| | 2.4 Akta Dan Polisi Pornografi Di Malaysia | 42 |
| | 2.4.1 Polisi Maklumat Kebangsaan | 43 |
| | 2.4.2 Akta Komunikasi Dan Multimedia 1988 | 44 |
| | 2.4.3 Akta 792 (Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017) | 45 |
| | 2.4.4 Akta Mesin Cetak Dan Penerbitan | 46 |
| | 2.5 Kajian Lepas | 47 |
| | 2.5.1 Kajian Dalam Negara | 47 |
| | 2.5.2 Kajian Luar Negara | 54 |
| | 2.6 Analisa Jurang Kajian | 62 |
| | 2.7 Kesimpulan | 64 |
| **BAB 3** | **KAEDAH METODOLOGI** | **67** |
| | 3.1 Pengenalan | 67 |
| | 3.2 Reka Bentuk Kajian | 67 |

3.3 Sampel Dan Teknik Persampelan 70
3.4 Lokasi Kajian 73
3.5 Instrumen Kajian 74
3.5.1 Pembinaan Instumen Kajian 75
3.5.2 Kesahan Instrumen 82
3.5.2.1 Kesahan Muka 83
3.5.2.2 Kesahan Kandungan 84
3.6 Prosedur Pengumpulan Data 84
3.7 Kajian Rintis 86
3.7.1 Kebolehpercayaan Instrumen 87
3.7.1.1 *Person Fit* dan *Item Fit* 88
3.7.1.2 Kesepadanan Item 89
3.7.1.3 *Polarity Item* 90
3.7.1.4 *Dimentionality* 92
3.7.1.5 Skala Pengkadaran (*Rating Scale*) 93
3.8 Analisa Data 94
3.9 Kesimpulan 97

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN 99**
4.1 Pengenalan 99
4.2 Analisis Data Soal Selidik 100
4.3 Analisis Demografi 101
4.3.1 Analisis Sekolah Kajian (Taburan Responden) 101
4.3.2 Analisis Jantina Responden 102
4.3.3 Analisis Umur Responden 103
4.3.4 Analisis Bilangan Adik Beradik 104
4.3.5 Analisis Pekerjaan Keluarga 105
4.3.6 Analisis Keputusan Peperiksaan 108
4.4 Analisis *Exploratory Factor Analysis* (EFA) serta Ujian *Bartlett's* dan *Kaiser-Mayer-Olkin* (KMO) 109
4.5 *Eigenvalues* dan *Total Variance Explained* 110
4.6 Data Normaliti 116

4.7 Kesahan Konstruk Menggunakan CFA (CFI, RMSEA, Chi-Square) 118

4.8 Pengukuran Model Kajian 120

4.8.1 Pengesahan *Hypothesized Model* (Konstruk) Pengaruh Media Massa 121

4.8.2 Pengesahan *Hypothesized Model* (Konstruk) Pengaruh Rakan Sebaya 124

4.8.3 Pengesahan *Hypothesized Model* (Konstruk) Teknologi 126

4.8.4 Pengesahan *Hypothesized Model* (Konstruk) Perlaksanaan Ibadah 129

4.8.5 Pengesahan *Hypothesized Model* (Konstruk) Tingkah Laku 132

4.9 Penilaian Kesahan Dan Kebolehpercayaan Konstruk 135

4.10 Analisis Dapatan KeseluruhanSEM 141

4.11 Hubungan Antara Pengaruh Media Massa, Rakan Sebaya dan Teknologi Dengan Perlaksanaan Ibadah (Islam) dan Tahap Ketagihan Pornografi 143

4.12 Hasil Dapatan Analisis Keseluruhan SEM 145

4.12.1 Hubungan Antara Pengaruh Media Massa Sebagai Faktor Ketagihan Pornografi Dalam Kalangan Pelajar 145

4.12.2 Hubungan Antara Pengaruh Rakan Sebaya Sebagai Faktor Ketagihan Pornografi Dalam Kalangan Pelajar 146

4.12.3 Hubungan Teknologi Sebagai Faktor Ketagihan Pornografi Dalam Kalangan Pelajar 147

4.12.4 Hubungan Antara Perlaksanaan Ibadah (Islam) Dengan Konstruk Media Massa, Rakan Sebaya Dan Teknologi 148

4.12.5 Hubungan Antara Tingkah Laku Pornografi Dengan Perlaksanaan Ibadah (Islam) 149

4.12.6 Perbezaan Yang Signifikan Dalam Tingkah Laku Pornografi Diantara Pelajar Berpencapaian Tinggi Dengan Rendah 151

4.17 Penutup 152

**BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN 153**

5.1 Pengenalan 153

| | | |
|---|---|---|
| 5.2 | Rumusan Dapatan Kajian | 154 |
| 5.3 | Perbincangan Hasil Dapatan | 155 |
| | 5.3.1 Hubungan Antara Media Massa Dengan Tahap Ketagihan Pornografi | 156 |
| | 5.3.2 Hubungan Antara Pengaruh Rakan Sebaya Dengan Tahap Ketagihan Pornografi | 158 |
| | 5.3.3 Hubungan Antara Pengaruh Teknologi Dengan Tahap Ketagihan Pornografi | 160 |
| | 5.3.4 Hubungan Antara Perlaksanaan Ibadah (Islam) Dengan Faktor-faktor Ketagihan Pornografi | 161 |
| | 5.3.5 Hubungan Antara Tahap Ketagihan Dengan Perlaksanaan Ibadah (Islam) | 163 |
| | 5.3.6 Perbezaan Yang Signifikan Dalam Tingkah Laku Pornografi Diantara Pelajar Berpencapaian Tinggi Dengan Rendah | 165 |
| 5.4 | Implikasi Kajian | 166 |
| | 5.4.1 Ibu Bapa | 166 |
| | 5.4.1 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) | 168 |
| | 5.4.2 Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (KKMM) | 168 |
| | 5.4.3 Pihak Berkuasa | 169 |
| | 5.4.4 Ilmu Baru | 170 |
| 5.5 | Cadangan Kajian Lanjutan | 172 |
| 5.15 | Kesimpulan | 173 |

**RUJUKAN** **175**

**SENARAI PENERBITAN** **209**

## SENARAI JADUAL


| NO. JADUAL | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| Jadual 3.1 | Jadual Penentuan Saiz Sampel Berdasarkan Jumlah Populasi | 71 |
| Jadual 3.2 | Jumlah Item Bagi Setiap Bahagian | 75 |
| Jadual 3.3 | Kerangka Instrumen Kajian | 79 |
| Jadual 3.4 | *Person Fit* | 89 |
| Jadual 3.5 | *Item Fit* | 89 |
| Jadual 3.6 | Nilai *Item Fit* | 90 |
| Jadual 3.7 | *Polarity Item* | 91 |
| Jadual 3.8 | Analisis Komponen Prinsipal | 92 |
| Jadual 3.9 | Skala Pengkadaran (*Rating Scale*) | 93 |
| Jadual 3.10 | Objektif Kajian, Persoalan Kajian dan Kaedah Analisis Data | 95 |
| Jadual 4.1 | Taburan Responden Mengikut Sekolah | 101 |
| Jadual 4.2 | Taburan Mengikut Jantina | 102 |
| Jadual 4.3 | Taburan Responden Mengikut Umur | 103 |
| Jadual 4.4 | Taburan Mengikut Bilangan Adik Beradik | 104 |
| Jadual 4.5 | Taburan Pekerjaan Bapa Responden | 106 |
| Jadual 4.6 | Taburan Pekerjaan Ibu Responden | 107 |
| Jadual 4.7 | Pencapaian Keputusan Peperiksaan | 108 |
| Jadual 4.8 | Analisis *KMO* dan *Bartlett* | 110 |
| Jadual 4.9 | Nilai *Eigenvalues* dan *Total Variance Explained* | 110 |
| Jadual 4.10 | Nilai *Eigenvalues* dan *Total Variance Explained* bagi Konstruk Model Ketagihan Pornografi | 111 |
| Jadual 4.11 | Item Soal Selidik Kontruk Media Massa | 112 |
| Jadual 4.12 | Item Soal Selidik Kontruk Rakan Sebaya | 113 |
| Jadual 4.13 | Item Soal Selidik Kontruk Teknologi | 114 |
| Jadual 4.14 | Item Soal Selidik Kontruk Perlaksanaan Ibadah | 115 |

| | | |
|---|---|---|
| Jadual 4.15 | Item Soal Selidik Kontruk Tahap Ketagihan | 115 |
| Jadual 4.16 | Nilai *Skewness* dan *Kurtosis* | 117 |
| Jadual 4.17 | Tiga Tahap Model Fit dan Tahap Penerimaan | 120 |
| Jadual 4.18 | Nilai Hubung Item (*Modification Indices*) | 122 |
| Jadual 4.19 | Nilai Hubung Item (*Modification Indices*) | 123 |
| Jadual 4.20 | Nilai Hubung Item (*Modification Indices*) | 125 |
| Jadual 4.21 | Nilai Hubung Item (*Modification Indices*) | 129 |
| Jadual 4.22 | Nilai Hubung Item (*Modification Indices*) | 131 |
| Jadual 4.23 | Nilai *Factor Loading* | 131 |
| Jadual 4.24 | Nilai *Fitness Index* Model Pengukuran Ketagihan Pornografi Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah | 137 |
| Jadual 4.25 | Nilai *Cronbach Alpha*, *Composit Reliability* (CR) dan *Average Variance Extracted* (AVE) Bagi Lima Konstruk Ketagihan Pornografi | 138 |
| Jadual 4.26 | Nilai Kolerasi Konstruk | 139 |
| Jadual 4.27 | Ringkasan Kebolehpercayaan Model Pengukuran | 140 |
| Jadual 4.28 | Ujian Regresi | 143 |
| Jadual 4.29 | Ujian Regrasi | 144 |
| Jadual 4.30 | Tahap Tingkah Laku Pornografi Antara Pelajar Pencapaian Akademik Berbeza | 151 |

## SENARAI RAJAH


| NO.RAJAH | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| Rajah 1.1 | Kerangka Teori Kajian | 17 |
| Rajah 1.2 | Kerangka Konsep Kajian | 18 |
| Rajah 3.1 | Prosedur Pengumpulan Data | 72 |
| Rajah 3.2 | Struktur Kalibrasi Skala Rating | 94 |
| Rajah 4.1 | Taburan Jantina Responden | 102 |
| Rajah 4.2 | Taburan Responden Mengikut Umur | 103 |
| Rajah 4.3 | Taburan Mengikut Bilangan Adik Beradik | 105 |
| Rajah 4.4 | Taburan Pekerjaan Bapa Responden | 106 |
| Rajah 4.5 | Taburan Pekerjaan Ibu Responden | 107 |
| Rajah 4.6 | Pencapaian Keputusan Peperiksaan | 108 |
| Rajah 4.7 | Konstruk (model) Media Massa | 121 |
| Rajah 4.8 | Model Semakan Semula Konstruk Media Massa | 123 |
| Rajah 4.9 | Kontruk (Model) Rakan Sebaya | 124 |
| Rajah 4.10 | Semakan Semula Kontruk (Model) Rakan Sebaya | 126 |
| Rajah 4.11 | Kontruk (Model) Pengaruh Teknologi | 127 |
| Rajah 4.12 | Semakan Semula Kontruk (Model) Teknologi | 128 |
| Rajah 4.13 | Kontruk (Model) Perlaksanaan Ibadah | 129 |
| Rajah 4.14 | Semakan Semula Kontruk (Model) Perlaksanaan Ibadah | 131 |
| Rajah 4.15 | Konstruk (model) Tahap Ketagihan | 132 |
| Rajah 4.16 | Semakan Semula Konstruk (Model) Tahap Ketagihan | 134 |
| Rajah 4.17 | Analisa Keseluruhan Konstruk (Model) Menggunakan SEM | 141 |

## SENARAI SINGKATAN

| | | |
|---|---|---|
| SPSS | - | *Statiscal Package for the Social Science* |
| SEM | - | *Structural Equation Modelling* (SEM) |
| SMK | - | Sekolah Menengah Kebangsaan |
| SMA | - | Sekolah Menengah Agama |
| UTM | - | Universiti Teknologi Malaysia |
| UTMKL | - | Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur |
| CR | - | *Critical Ratio* |
| KMO | - | Kaiser-Mayer-Olkin |
| VCD | - | Video Compact Disc |
| DVD | - | Digital Video Disc |
| KPDNKK | - | Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Kepenggunaan |
| UPM | - | Universiti Putra Malaysia |
| HIV | - | Human Immunodeficiency Virus |
| AIDS | - | Acquired Immune Deficiency Syndrome |
| SKMM | - | Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia |
| JAKIM | - | Jabatan Agama Islam Malaysia |
| NHMS | - | National Health And Morbidity Survey |
| PNM | - | Perpustakaan Negara Malaysia |
| NGO | - | Non-Governmental Organisation |
| PCA | - | *Principal Component Analysis* |
| CFA | - | *Confirmatory Factor Analysis* |
| AVE | - | *Average Variance Extracted* |
| CR | - | *Composite Reliability* |
| EFA | - | Exploratory Factor Analysis |
| Chisq/Df | - | *Chi-square/Degree of Freedom* |
| CFI | - | *Comparative Fit Index* |
| RMSEA | - | *Root Mean Square Error of Approximation* |
| ICT | - | *Information Communication Technology* |
| PDRM | - | Polis Di Raja Malaysia |

| | | |
|---|---|---|
| KKMM | - | Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia |
| ASEAN | - | Assiocation of Southeast Asian Nations |

## SENARAI SIMBOL

| | | |
|---|---|---|
| = | - | Nilai Keseluruhan |
| % | - | Peratusan |
| > | - | Lebih Tinggi |
| < | - | Lebih Rendah |
| $X^2$ | - | Nilai Df |
| P | - | Nilai Signifikan |
| < -- > | - | Nilai Hubung Antara Item/Konstruk |
| < -- | - | Nilai Hubung Antara Konstruk Dengan Item |
| **** | - | Nilai Singnifikan Bagi Nilai "P" |

## SENARAI LAMPIRAN


| LAMPIRAN | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| Lampiran A | Borang Selidik | 191 |
| Lampiran B | Surat Pengesahan Pelajar | 200 |
| Lampiran C | Surat Sokongan | 201 |
| Lampiran D | Surat Kebenaran Kementerian | 202 |
| Lampiran E | Surat Kebenaran Pejabat Pendidikan Negeri Selangor | 203 |
| Lampiran F | Pengesahan Item Oleh Panel (Dr Nik Hasnaa) | 204 |
| Lampiran G | Pengesahan Item Oleh Panel (Dr Maslin) | 206 |

# BAB 1

# PENGENALAN

## 1.1 Pengenalan

Sehingga kini tidak dapat dipastikan bila bermulanya kegiatan pornografi dalam peradaban manusia. Kegiatan pornografi dalam ketamadunan manusia dapat dikesan sejak dari tamadun awal yang dibuktikan melalui penemuan patung, lukisan dan catatan yang dibuat oleh pengembara mengenai tamadun terdahulu. Misalnya, banyak penemuan lukisan berbentuk pornografi yang dijumpai pada monumen atau dinding peninggalan tamadun Pompeei, telah membuktikan kegiatan pornografi dan seks bebas telah menjadi antara kegiatan hiburan utama dan budaya dalam tamadun tersebut (Yandi Maryandi, 2018). Kajian sejarah membuktikan pada zaman Yunani, terdapat nyanyian cabul (lucah) yang dinyanyikan oleh masyarakat dalam tamadun tersebut di mana nyanyian tersebut dianggap sebagai bentuk hiburan utama (Yandi Maryandi, 2018).

Pada zaman *Middle of Edges* di Eropah, banyak patung dan lukisan berbentuk porno telah dihasilkan kerana masyarakat Eropah pada zaman tersebut menganggap seni tubuh badan sebagai satu keindahan yang perlu dihargai. Misalnya, pada abad ke-18, di Eropah telah muncul karya-karya moden yang sama sekali mengabaikan nilai-nilai moral, karya yang dihasilkan ditujukan bagi membangkitkan rangsangan seksual kepada mereka yang melihat atau membaca (Ajat Sudrajat, 2006). Secara fitrah manusia sememangnya saling tertarik antara satu sama lain (lelaki dan wanita) untuk berkongsi kasih sayang dan hidup bersama. Namun, tidak bermakna setiap perbuatan yang dilakukan boleh dibuat dengan bebas dan mengetepikan norma-norma agama dan nilai moral. Berbeza dengan kehidupan masyarakat Eropah, pornografi tidak diterima dalam budaya dan amalan masyarakat Islam kerana dilarang sama sekali dalam Islam. Allah berfirman,

*"Dan janganlah kamu mendekati zina kerana sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji. Dan suatu jalan yang buruk"*

Sumber: Sural al-Isra': 32

Ayat al-Quran di atas jelas menerangkan agama Islam melarang penganutnya melakukan perbuatan yang memberi kerosakan pada diri. Ini kerana, Islam merupakan agama yang mengutamakan kesejahteraan penganutnya dari perkara-perkara yang membawa kepada kerosakan.

Dalam konteks Malaysia, tingkah laku pornografi paling jelas dapat dilihat pada zaman penjajahan British di Tanah Melayu apabila banyak rumah pelacuran telah dibuka di Singapura dan Kelantan pada waktu itu disebabkan kemasukan imigeran Cina yang ramai serta rumah pelacuran turut dijadikan tempat melepaskan tekanan bagi pegawai British pada ketika itu (Nurul Asnida et al., 2007). Pada zaman tersebut, tingkah laku pornografi yang berlaku di Tanah Melayu (Malaysia) lebih melibatkan perbuatan seks yang dilakukan melalui persetubuhan antara lelaki dan perempuan. Kebanyakan yang terlibat dengan tingkah laku pornografi pada ketika itu adalah terdiri dari pegawai British (melanggan pelacur bagi menghilangkan tekanan) dan imigeran yang kebanyakan terdiri dari imigeran Cina dan Jepun yang bekerja sebagai pelacur sehingga akhirnya memberi kesan buruk pada ketika itu apabila berlakunya penyebaran penyakit kelamin yang serius (Abdullah Zakaria, 2008).

Dalam konteks masa kini, tingkah laku pornografi tidak hanya berlaku dengan perbuatan persetubuhan sahaja tetapi tingkah laku pornografi yang berlaku turut melibat penggunaan bahasa komunikasi dan isyarat, penglihatan (tontonan video lucah) dan juga pemakaian (Kamarul Azmi, 2017). Perubahan yang berlaku secara tidak langsung menyebabkan isu tingkah laku pornografi yang berlaku sukar untung dibendung dari dipengaruhi masyarakat disebabkan tingkah laku pornografi yang berlaku kini sudah dianggap seperti kebiasaan dalam kehidupan terutama dari segi bahasa yang digunakan.

Bab pertama kajian ini hanya membincangkan latar belakang kajian bagi memberikan gambaran kepada pembaca terhadap kajian yang dijalankan. Dalam bab pertama, terdapat beberapa objektif dan persoalan kajian dihasil dan telah disenaraikan bagi memastikan pembaca jelas dengan fokus utama dan matlamat yang ingin dicapai. Selain itu, beberapa teori yang digunakan turut dijelaskan untuk melihat kesesuaian teori tersebut untuk diaplikasikan dalam budaya masyarakat di Malaysia. Selain itu, terdapat juga bahagian kerangka konsep yang diletakkan dalam bab ini bagi memberi pemahaman lebih jelas kepada pembaca terhadap kajian yang dilakukan. Akhir sekali, terdapat bahagian yang menyenaraikan beberapa takrifan istilah penting yang digunakan dalam penyelidikan ini agar pembaca tidak keliru dengan istilah tertentu yang terdapat dalam kajian ini berbanding dengan maksud istilah tersebut yang digunakan dalam perbualan seharian. Di harap, bab pertama kajian ini dapat memberi pemahaman awal kepada pembaca terhadap keseluruhan kajian yang dilakukan.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Tingkah laku pornografi dalam kalangan pelajar sekolah/remaja di seluruh dunia berkait rapat dengan kemudahan mengakses atau mendapatkan bahan-bahan berbentuk porno seperti yang terdapat di internet, majalah dan cakera padat. Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan oleh semua negara di dunia termasuk Malaysia bagi menyekat penyebaran bahan pornografi terutamanya yang terdapat di internet dari dilayari oleh kanak-kanak dibawah umur. Namun, pihak tidak bertanggungjawab dalam penyebaran pornografi dilihat sering menemui pelbagai cara bagi mengatasi halangan yang ada demi mengaut keuntungan tanpa memikirkan norma-norma kemanusiaan. Misalnya, di Amerika, pornografi dianggap sebagai satu industri yang memberi pulangan lumayan dan dianggap sebagai suatu kegiatan yang sah dari segi undang-undang jika sudah mendapatkan lesen bagi menjalankan kegiatan berkaitan seksual di negara *Uncle Sam* itu. Pada tahun 2006, industri pornografi internet di Amerika sahaja telah memperoleh keuntungan mencecah AS$97 billion dan meningkat kepada AS$291 billion pada tahun 2014 (Harian Metro, 2 September 2015).

Jepun, merupakan antara negara yang memiliki industri pornografi terbesar di Asia. Sejak kewujudan internet di Jepun, kajian mendapati kunjungan laman sesawang seks mencatat peratusan tertinggi (Nor Azah, 2009). Di Jepun, pornografi tidak hanya boleh diperoleh melalui internet, majalah, cakera padat (VCD dan DVD), kelab dan sebagainya tetapi bahan-bahan atau bentuk-bentuk pornografi turut boleh diperoleh melalui rancangan realiti berunsur lucah, anime (karton) yang memaparkan adengan seks (Nor Azah, 2009). Selain itu, terdapat lebih 3000 atau 30% laman web pornografi kanak-kanak yang boleh diperolehi dalam laman sesawang di Jepun (Nor Azah, 2009).

Sejajar dengan perkembangan global, internet kini telah digunakan oleh hampir keseluruhan rakyat Malaysia untuk pelbagai tujuan sama ada dalam bidang pekerjaan, pendidikan mahupun hiburan. Secara amnya, pelbagai manfaat yang diperoleh pelajar hasil dari perkembangan sistem komunikasi (internet). Namun, terdapat segelintir rakyat Malaysia yang terdiri dari pelbagai peringkat umur telah menyalah gunakan internet dengan melayari laman-laman web berbentuk pornografi. Berdasarkan kajian yang dijalankan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia mendapati 94% kanak-kanak di Malaysia terdedah dengan seks atas talian dan juga jenayah siber (CyberSecurity Malaysia, 2017).

Peningkatan tingkah laku pornografi dalam kalangan rakyat di negara ini sebahagian besar disebabkan berlakunya lambakan bahan berbentuk pornografi di laman sesawang terutamanya dari laman-laman web lucah dari luar negara yang boleh diperolehi dengan mudah tanpa ada sebarang sekatan. Berdasarkan kajian pernah dilakukan mendapati, golongan wanita di Malaysia didapati lebih ramai melayari laman-laman berbentuk pornografi berbanding golongan lelaki dan dapatan yang diperoleh sememangnya sangat mengejutkan (Paranjothi, 2016). Berdasarkan statistik sama mendapati remaja di Malaysia didapati remaja mula terlibat dengan pornografi seperti berpeganggan tangan antara bukan mahram, bercumbu, meraba dan mengadakan hubungan seks sebelum berkahwin seawal umur 13 hingga 18 tahun (Paranjothi, 2016).

Lebih membimbangkan, kebanyakan media tempatan dilihat seperti mengikut media di negara barat kerana dilihat sering menayangkan pornografi melalui adegan yang terdapat dalam iklan-iklan dipaparkan di media massa, secara tidak langsung telah menyumbang kepada peningkatan tingkah laku pornografi dalam kalangan rakyat Malaysia terutamanya golongan pelajar. Tanpa disedari mahupun tidak, terdapat banyak iklan berunsur seks yang muncul di internet walaupun ketika mengakses bahan-bahan berbentuk pendidikan dan secara tidak langsung menjadi antara penyebab tingkah laku pornografi kepada golongan remaja/pelajar kerana mereka terdedah dengan bahan berunsur lucah (Kementerian Komunikasi Multimedia Malaysia, 2018).

Tidak seperti orang dewasa, golongan remaja lebih mudah terpengaruh dan kurang bijak dalam membuat keputusan, tidak menghairankan mengapa ramai golongan remaja kini terlibat dengan tingkah laku pornografi (Zakri Abdullah dan Saemah, 2015). Di negara maju terutamanya negara barat, seks sebenarnya telah menjadi sebahagian dari budaya yang berteraskan sistem kapitalisme yang mana seks telah dianggap satu keperluan dalam perniagaan (Amir, 2007). Golongan perniaga di negara barat telah menggunakan kaedah pornografi dengan menggunakan wanita-wanita cantik dan seksi bagi melariskan barang jualan. Malah, bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia, dalam ucapannya turut menjelaskan akan mudahnya penyebaran pornografi dalam kalangan pelajar di negara ini. Buktinya,

> "Kebanyakan pelajar sekolah menengah di Malaysia yang terjebak dengan tingkah laku pornografi disebabkan kemajuan manusia dalam teknologi maklumat dan lambakan bahan berbentuk pornografi di pasaran negara ini"
> (Teks ucapan Perasmian dan Ucaptama oleh YAB Dato' Seri Dr Wan Azizah, 22 Julai 2018).

Buktinya, sesiapa sahaja termasuk pelajar boleh membeli VCD dan DVD lucah yang dijual oleh perniaga cetak rompak. Sepanjang 2016, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Kepenggunaan (KPDNKK) telah melakukan rampasan pelbagai jenis cakera padat cetak rompak termasuk VCD dan DVD lucah di 960 premis seluruh negara dengan nilai rampasan berjumlah

RM6,388,006 (Laporan Tahunan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Kepenggunaan, 2016).

Malah, menonton pornografi di dapati mampu memberi rangsangan kuat kepada mereka yang melihat sehingga menimbulkan minat untuk terlibat dengan tingkah laku seksual secara langsung bagi memenuhi kepuasan seksual dalam diri (Mulya et al., 2016). Misalnya, pihak polis telah menahan seorang remaja berumur 15 tahun kerana tuduhan merogol ibu kandungnya sendiri, hasil siasatan awal polis mendapati remaja terbabit telah menonton beberapa video pornografi melalui telefon bimbitnya sebelum merogol ibunya sendiri (mstar, 20 Ogos 2014). Diharap kajian yang dijalankan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelbagai pihak agar masalah tingkah laku pornografi dalam kalangan pelajar sekolah menengah dapat di tangani sebaik mungkin.

Selain itu, kemajuan teknologi juga telah menjadi penyebab mengapa pelajar sekolah menengah pada masa kini begitu mudah terlibat dengan pornografi. Melalui penggunaan teknologi yang ada seperti telefon bimbit, permainan video dan komputer telah memudahkan pelajar untuk mengakses dan menyimpan bahan-bahan pornografi tanpa diketahui oleh orang tua dengan mudah (Naquiah et al., 2017). Dengan teknologi membolehkan pelajar atau remaja melihat atau menonton pornografi pada waktu yang diinginkan tanpa diketahui oleh sesiapa melalui simpanan koleksi pornografi yang terdapat dalam telefon bimbit dan komputer mereka. Secara tidak langsung, mampu menyebabkan seseorang pelajar sukar meninggalkan tontonan video lucah serta memberi kesan kepada tingkah laku mereka iaitu menyebabkan tingkah laku bermasalah.

Banyak kajian kesihatan telah dibuat bagi mengenal pasti kesan negatif pornografi kepada manusia. Hasilnya, pornografi terbukti memberi kesan buruk terhadap kesihatan di mana menonton pornografi mampu memberi kesan yang sama seperti pengambilan dadah kerana memberi kesan terhadap kerosakan saraf pada otak dalam jangka panjang. Buktinya, pornografi memberi kesan pada kerosakan saraf otak, tidak dapat mengawal perasaan dan tingkah laku, menjejaskan daya ingatan, HIV, AIDS dan sebagainya (Judith dan Reisman, 2008). Selain itu,

pornografi mampu menyebabkan gangguan terhadap emosi remaja seperti hilangnya rasa malu, merendah diri dan hilang pertimbangan (Norman & Nooraini, 2019). Kesan pornografi yang paling ketara boleh dilihat pada orang lelaki terutamanya, ini kerana pornografi mampu menyebabkan seseorang lelaki membayangkan bentuk tubuh perempuan tanpa pakaian ataupun membayangkan dirinya atau orang lain melakukan hubungan seks (Rahmania & Chris Haryanto, 2017).

Melakukan amalan-amalan atau ibadah wajib seperti berpuasa dan solat dengan betul dan sempurna merupakan kaedah terbaik bagi mencegah penglibatan seseorang dari melakukan dosa seperti melihat pornografi jika ibadah yang di kerjakan itu difahami dan dihayati dengan baik (Noor Azah, 2009). Amalan berpuasa misalnya mengajar umat Islam untuk bersabar dari melakukan perbuatan yang mampu membatalkan puasanya seperti melakukan hubungan seks, melihat pornografi dan sebagainya. Melalui solat juga mampu membentuk keperibadian seseorang untuk sentiasa takut dan bertaqwa kepada Allah dari melakukan perbuatan yang dilarang dalam agama.

## 1.3 Penyataan Masalah

Berdasarkan isu yang dihuraikan, menunjukkan betapa seriusnya masalah pornografi dalam kalangan pelajar yang berlaku pada masa kini. Keadaan sedemikian berlaku kerana melihat atau menonton pornografi mampu menyebabkan seseorang itu mempercayai gambaran-gambaran palsu berkaitan keseronokan melakukan hubungan seks sehingga ada diantara mereka yang mempunyai keinginan untuk menjalinkan hubungan seks (Judith, 2008). Hasil laporan yang pernah dikeluarkan mendapati Malaysia adalah negara tertinggi di ASEAN yang menonton pornografi internet, hasil kajian mendapati dalam sehari hampir 20000 bahan pornografi telah dimuat naik dan dimuat turun oleh rakyat di negara ini (Utusan Malaysia, 2018). Kesannya, pornografi membawa kepada hasil yang merosakkan kepada diri atau kehidupan mereka yang terlibat terutamanya kepada pelajar sekolah.

Penglibatan pelajar dengan tingkah laku pornografi dapat dilihat kesannya dari sudut tingkah laku dan pemikiran pelajar pada masa kini terutamanya penglibatan pelajar dengan kes salah laku termasuk kes salah laku seksual dan kes pembuangan bayi. Jamsiah dan Haslinda (2009), mendapati dari 292 orang responden (152 pelajar lelaki dan 140 pelajar perempuan) di dapati pernah terlibat salah laku. Misalnya bagi responden lelaki, melepak (53.4%), menonton pornografi (47.7%), ponteng sekolah (36.3%) dan keluar rumah hingga larut malam (30.6%) manakala dikalangan responden perempuan pula, melakukan aktiviti praseksual (30.8%), ponteng sekolah (24.4%), melepak (23.5%) dan menonton filem pornografi (12.2%). Statistik Jabatan Pendaftaran Negara pada tahun 2017, mendapati seramai 4992 bayi luar nikah telah dilahirkan oleh remaja perempuan berumur 18 tahun ke bawah dan sebanyak 120 kes pembuangan bayi direkodkan, hasil kajian dijalankan mendapati 22% pelajar yang melahirkan anak luar nikah mengaku tindakan mereka dipengaruhi tontonan pornografi (mstar, 2018).

Mohamad Fauzi (2019), menjelaskan media sosial atau media massa mampu memberi kesan yang besar terhadap perilaku anak-anak seperti terjebak dengan tingkah laku masalah sosial (menonton pornografi, vadalisme dan sebagainya). Pemantauan yang kurang dari ibu bapa terhadap penggunaan media sosial dan alat komunikasi dalam kalangan anak-anak telah memudahkan mereka terjebak dengan tingkah laku pornografi. Hasil penyelidikan yang dibuat Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, mendapati internet dan teknologi komunikasi telah memudahkan remaja masa kini terlibat dengan pelbagai masalah sosial seperti seperti buli siber, jenayah siber dan pornografi (Malaysian Communications And Multimedia Commission, 2017).

Selain itu, rakan sebaya juga didapati antara faktor yang menyebabkan remaja terlibat dengan perilaku seksual seperti penggunaan bahasa dan isyarat lucah, perkongsian bahan-bahan lucah dan terlibat seks bersama pasangan (Norramazonizni dan Hanina, 2016). Keadaan sedemikian terjadi disebabkan kurangnya kawalan dari iba bapa terhadap pergaulan anak-anak mereka sehingga akhirnya pengaruh yang di bawa oleh rakan sebaya lebih memberi kesan yang signifikan dalam diri anak-anak berbanding dengan didikan yang diberi oleh ibu bapa. Dalam menangani tingkah

laku pornografi yang berlaku dalam kalangan remaja, agama dilihat sebagai pendekatan terbaik bagi menghindarkan manusia dari terlibat dengan perlakuan seksual dan juga pornografi (Joshua et al., 2015). Hal ini, disebabkan agama merupakan kaedah terbaik dalam mendidik dan mengawal perilaku manusia dari melampauhi nilai-nilai moral yang diterima akal.

Secara purata kanak-kanak di Malaysia di dapati menghabiskan masa antara tujuh hingga lapan jam sehari dengan teknologi seperti telefon bimbit, televisyen dan komputer (Nahar et al., 2017). Penggunaan teknologi secara berlebihan dan tidak terkawal telah membawa implikasi negatif terhadap tingkah laku kanak-kanak dan remaja yang mudah terpengaruh dengan apa yang dilihat terutamanya melalui rancangan-rancangan yang memaparkan unsur ganas dan tidak bermoral (lucah) sehingga menyebabkan jiwa mereka menjadi keras dan kasar yang akhirnya menyebabkan berlakunya masalah ketika berinteraksi dalam kehidupan kerana mereka tidak dapat membezakan antara dunia realiti dengan dunia fantasi (Nahar et al., 2017).

Jelaslah, pornografi mampu menyebabkan pemikiran remaja dipenuhi oleh gambaran-gambaran lucah sehingga menimbulkan keinginan tinggi kepada mereka untuk terlibat dengan perilaku seksual yang akhirnya membawa kepada kesan merosakkan. Kesan lebih besar dapat dilihat pada kesihatan, pornografi didapati mampu menyebabkan ketagihan yang melampau keatas diri seseorang sehingga memberi kesan terhadap aspek kesihatan seperti menyebabkan kurangnya kawalan diri, kemandulan, hilang rasa hormat, seks berbahaya (kekerasan) dan pelbagai lagi (Vaillancourt dan Bergeron, 2018).

Melihat kepada kesan buruk yang diterima akibat pornografi menunjukkan tingkah laku tersebut sememangnya tidak boleh dipandang remeh. Tindakan yang berkesan dan proaktif harus dilakukan bagi mencegah pornografi dari terus mempengaruhi masyarakat di negara ini terutamanya kepada golongan pelajar sekolah. Matlamat kajian ini dijalankan, bagi melihat faktor-faktor yang menyebabkan tingkah laku pornografi dalam kalangan pelajar sekolah menengah masa kini dan adakah perlaksanaan ibadah (Islam) mampu memainkan peranan

signifikan sebagai benteng mencegah pelajar dari terjebak dengan tingkah laku pornografi.

## 1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

(a) Mengenal pasti hubungan diantara pengaruh media massa dengan tingkah laku pornografi dalam kalangan pelajar.

(b) Mengenal pasti hubungan diantara pengaruh rakan sebaya dengan tingkah laku pornografi dalam kalangan pelajar.

(c) Mengenal pasti hubungan diantara pengaruh penciptaan teknologi dengan tingkah laku pornografi dalam kalangan pelajar.

(d) Mengenal pasti hubungan diantara perlaksanaan ibadah dengan faktor tingkah laku pornografi.

(e) Mengenal pasti hubungan antara perlaksanaan ibadah dengan tingkah laku pornografi.

(f) Mengenal pasti wujudnya perbezaan yang signifikan dalam tingkah laku pornografi diantara pelajar dari sekolah berpencapaian tinggi dengan pelajar dari sekolah berpencapaian rendah.

## 1.5 Persoalan Kajian

Susulan dari objektif kajian yang dihasilkan, maka terhasilnya persoalan kajian bagi menjawab objektif kajian tersebut:

a) Adakah terdapat hubungan yang signifikan diantara pengaruh media massa dengan tingkah laku pornografi?

b) Adakah terdapat hubungan yang signifikan diantara rakan sebaya dengan tingkah laku pornografi?
c) Adakah terdapat hubungan yang signifikan diantara teknologi dengan tingkah laku pornografi dalam kalangan pelajar?

d) Adakah terdapat hubungan yang signifikan diantara perlaksanaan ibadah dengan faktor tingkah laku pornografi?
e) Adakah terdapat hubungan yang signifikan diantara perlaksanaan ibadah dengan tingkah laku pornografi?
f) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan tingkah laku pornografi diantara pelajar dari sekolah berpencapaian tinggi dengan pelajar dari sekolah berpencapaian rendah?

## 1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan kajian yang dijalankan, terdapat hipotesis awal yang dibuat oleh penyelidik. Antaranya ialah;

a) Terdapat hubungan yang signifikan diantara pengaruh media massa dengan penglibatan pelajar dengan tingkah laku pornografi.

b) Terdapat hubungan yang signifikan diantara pengaruh rakan sebaya dengan penglibatan pelajar dengan tingkah laku pornografi.

c) Terdapat hubungan yang signifikan diantara pengaruh teknologi dengan penglibatan pelajar dengan tingkah laku pornografi.

d) Terdapat hubungan yang signifikan diantara perlaksanaan ibadah dengan faktor tingkah laku pornografi.

e) Terdapat hubungan yang signifikan diantara perlaksanaan ibadah dengan tingkah laku pornografi.

f) Terdapat perbezaan signifikan antara tingkah laku pornografi diantara pelajar dari sekolah berpencapaian tinggi dengan pelajar dari sekolah berpencapaian rendah.

## 1.7 Skop Kajian

Kajian ini hanya tertumpu dalam kalangan pelajar sekolah menengah yang beragama Islam di negeri Selangor. Negeri Selangor dipilih sebagai lokasi kajian kerana negeri Selangor mempunyai kemudahan akses yang baik berbanding dengan negeri lain di Malaysia, statistik Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) negeri Selangor didapati merupakan negeri yang mempunyai rangkaian Internet paling laju di Malaysia. (Annual Report Malaysia Communications and Mutimedia Commission, 2017). Selain itu, menurut statistik yang dikeluarkan Polis Diraja Malaysia pada tahun 2019, mendapati dari tahun 2014 sehingga 2018 mendapati seramai 577 oang bayi telah dibuang dan dari jumlah tersebut mendapati negeri Selangor menduduki tempat tertinggi dalam kes pembuangan bayi di Malaysia iaitu seramai 135 orang bayi telah dibuang dan kebanyakan remaja yang terlibat turut mengakui pernah menonton pornografi (Harian Metro, 2019).

Selain itu, fokus utama kajian ini hanya tertumpu kepada pelajar sekolah menengah berumur 13 sehingga 17 tahun yang beragama Islam sahaja kerana ingin memastikan objektif kajian yang keempat dapat dijawab dan dicapai dengan baik iaitu bagi melihat bagaimana perlaksanaan ibadah (Islam) mampu memainkan peranana signifikan seperti yang diharapkan iaitu sebagai kaedah terbaik bagi mencegahan tingkah laku pornografi dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan bagi memastikan kajian yang dibuat tidak lari dari objektif dan matlamat akhir yang ingin dicapai.

Fokus utama kajian adalah bagi melihat tiga faktor utama yang mempengaruhi pelajar sekolah menengah terjebak dengan tingkah laku pornografi iaitu disebabkan oleh pengaruh media massa, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh

teknologi. Ketiga-tiga faktor ini dikaji kerana ketiga-tiga faktor ini mudah mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku pelajar sehingga mereka boleh terlibat dengan tingkah laku pornografi. Pada peringkat menuju alam dewasa, golongan remaja akan sentiasa mencuba, mencari dan melakukan sesuatu perkara yang mampu mendatangkan kepuasan dan keseronokan dalam diri. Hal ini, kerana usia remaja juga merupakan peringkat di mana seseorang itu mudah dipengaruhi pemikirannya dalam melakukan sesuatu tindakan sama ada baik mahu pun buruk (Mahsiani et al., 2018).

Selain itu, kajian ini turut memberi fokus bagi melihat bagaimana Islam mampu memainkan peranan signifikan kepada pelajar bagi menghindarkan diri mereka dari terlibat dengan tingkah laku pornografi melalui perlaksanaan ibadah yang terdapat dalam Islam. Oleh itu, kajian ini mampu melihat sama ada perlaksanaan ibadah yang dikerjakan oleh pelajar mampu membentuk akhlak terpuji dalam diri untuk dijadikan benteng bagi mencegah mereka dari mudah dipengaruhi dan terlibat dengan perbuatan yang dilarang dalam Islam berdasarkan kongsep *amal ma'aruf nahi mungkar* (ibadah mencegah diri dari kemungkaran) iaitu sama ada ibadah yang dikerjakan mampu mencegah diri pelajar dari terlibat dengan tingkah laku pornografi.

## 1.8 Kepentingan Kajian

Setiap penyelidikan yang dilakukan mempunyai matlamat dan tujuan ingin dicapai. Penyelidikan ini diharap dapat mengetengahkan faktor-faktor yang menyebabkan penglibatan pelajar sekolah menengah di Malaysia dengan tingkah laku pornografi yang secara tidak langsung membolehkan langkah-langkah pencegahan yang berkesan dapat dilakukan bagi menghindarkan pelajar dari terlibat dengan pornografi. Selain itu, kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat di Malaysia bagi bersama-sama mencegah atau meninggalkan amalan buruk ini. Terdapat implikasi negatif tingkah laku pornografi yang dibincangkan dan diketengahkan dalam kajian ini seperti implikasi dari segi tingkah

laku pelajar. Berdasarkan kajian ini, sedikit sebanyak dapat memberi kesedaran kepada masyarakat bagi menangani masalah tingkah laku pornografi dalam kalangan pelajar di Malaysia pada masa kini agar masalah yang berlaku dapat di atasi dengan lebih berkesan jika semua masyarakat bersama-sama mengatasi permasalahan yang berlaku.

Manfaat kajian ini dapat dilihat kepada ibu bapa di Malaysia supaya tingkah laku pornografi dalam kalangan anak-anak mereka dapat dicegah. Kajian ini mampu memberi kesedaran kepada ibu bapa terhadap betapa pentingnya bagi menjadikan Islam sebagai asas utama dalam mendidik anak-anak melalui amalan ibadah yang terdapat dalam ajaran Islam seperti solat, berpuasa dan membaca al-Quran. Selain dapat mencegah tingkah laku pornografi dalam diri pelajar/anak-anak, perlaksanaan ibadah yang baik juga dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan antara ibu bapa dan anak-anak.

Selain itu, kajian ini memberi manfaat kepada pelajar sekolah menengah dan guru terutamanya bagi bersama mencegah tingkah laku pornografi dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Kajian ini mampu memberi kesedaran kepada pelajar sekolah untuk membuat penilaian akan implikasi negatif pornografi kepada diri mereka dari aspek mental dan fizikal. Bagi golongan guru, kajian ini mampu memberi pendedahan kepada mereka bagi mencegah tingkah laku pornografi dalam kalangan pelajar melalui pendekatan yang terdapat dalam Islam. Sebagai contoh, guru-guru boleh menjelaskan kepada pelajar manfaat dari segi jasmani dan rohani yang dapat diperolehi jika menjaga solat dan amalan-amalan wajib dalam agama Islam.

Akhir sekali, kajian ini diharap turut memberi manfaat kepada pihak kerajaan terutama bagi pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan bagi pihak berkuasa terutamanya Polis Diraja Malaysia (PDRM). Kajian ini berupaya memberikan penjelasan terperinci berkaitan faktor-faktor yang menyebabkan penglibatan pelajar dengan tingkah laku pornografi. Kajian turut membincangkan bagaimana Islam mampu memainkan peranan mencegah penglibatan pelajar dengan pornografi.

Diharapkan, pihak kerajaan dapat menjalankan langkah-langkah yang bersesuaian bagi mengatasi isu tingkah laku pornografi sama ada melalui penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat, memberi khidmat kaunseling kepada pelajar yang teribat dengan tingkah laku pornografi ataupun mengenakan sekatan terhadap laman-laman sesawang, media masa dan media cetak yang mengandungi unsur-unsur berbentuk pornografi sama ada dalam bentuk bercetak, video ataupun iklan (digital).

## 1.9 Kerangka Teori

Masalah tingkah laku pornografi dalam kalangan pelajar sekolah pada masa kini dilihat sangat membimbangkan. Kemajuan teknologi pada abad 21 kini menyaksikan tingkah laku pornografi tidak lagi hanya melibatkan golongan dewasa sahaja tetapi golongan remaja (pelajar) turut terlibat dengan tingkah laku pornografi disebabkan bahan-bahan tersebut mudah diperolehi. Permasalahan yang berlaku perlu dipandang serius dan tindakan segera dari pelbagai pihak adalah perlu kerana perbuatan sedemikian turut menyumbang kepada peningkatan kes jenayah seksual dalam kalangan remaja bawah umur. Bagi mengatasi masalah ini, faktor utama yang menyebabkan tingkah laku pornografi perlu dikenal pasti supaya langkah pencegahan dapat dilakukan kerana pornografi tidak hanya dianggap salah dari sudut etika moral kehidupan manusia malah turut salah dari sudut  prinsip beragama.

Dalam kajian ini teori tingkah laku sosial (*Behavioral Theory*) yang diasaskan oleh Skinner dipilih untuk diaplikasi dalam penyelidikan yang dijalankan, menurut teori ini, pembelajaran yang diterima akan menentukan tingkah laku dalam diri seseorang (Kail dan Cavanaugh, 2000). Ahli psikologi berpendapat, perilaku yang ada pada diri seseorang individu terhasil dari tindak balas ransangan  dalaman dan luaran (kehendak, minat, daya penarik) (James dan Skinner, 1975). Maksud yang lebih mudah, tingkah laku yang ada pada seseorang terhasil dari apa yang seseorang itu inginkan iaitu apa yang ingin seseorang itu jadi, kebiasaanya dipengaruhi oleh tingkah laku dari seorang idola, tokoh atau mereka yang rapat. Berdasarkan teori ini, pemberian ganjaran dan hukuman turut mempengaruhi tingkah laku dalam diri dan

merupakan satu proses pembelajaran dan mendidik keperibadian seseorang (Kail dan Cavanaugh, 2000).

Berdasarkan teori yang diasaskan oleh Skinner, menjelaskan manusia mudah dipengaruhi oleh faktor persekitaran yang ada seperti kawasan tempat tinggal, rakan sebaya dan ahli keluarga. Keadaan ini disebabkan, pengaruh persekitaran yang ada mampu memberi pengaruh secara langsung atau tidak langsung dalam kehidupan kerana persekitaran yang ada mampu membentuk tingkah laku dalam diri. Menurut Skinner, persekitaran yang ada mampu memberi daya penarik dan penguat dalam diri seseorang dalam pembentukan perwatakan berdasarkan pengalaman dan pemerhatian yang dibuat (James dan Skinner, 1975). Oleh itu, teori ini digunakan bagi melihat faktor luaran yang ada sehingga mampu mempengaruhi pelajar sehingga terlibat dengan tingkah laku pornografi seperti yang dikaji dalam kajian ini yang disebabkan oleh faktor media massa, rakan sebaya dan teknologi. Ketiga-tiga faktor yang dikaji ini sememangnya faktor luaran yang kuat dalam mempengaruhi tingkah laku remaja pada masa kini. Buktinya, media masa, rakan sebaya dan teknologi merupakan antara aspek yang penting dalam kehidupan. Jika tidak dikawal dan digunakan dengan baik faktor yang dinyatakan ini mampu memberi implikasi negatif dalam kehidupan seperti terpengaruh dengan tingkah laku pornografi.

Selain itu, Skinner turut bersetuju agama merupakan antara pendekatan terbaik dalam mendidik dan mengawal tingkah laku negatif dalam diri. Pendapat yang dikemukakan oleh Skinner sememangnya selari dengan konsep dalam Islam yang mana ibadah mampu mencegah diri dari kemungkaran (Skinner, 1965). Oleh itu, teori ini turut digunakan bagi melihat bagaimana ibadah yang terdapat dalam Islam mampu mencegah pelajar dari terpengaruh dengan tingkah laku pornografi. Antara ibadah yang dikaji dan diaplikasi menggunakan teori ini adalah ibadah solat, puasa dan membaca al-Quran kerana ketiga-tiga ibadah ini merupakan kaedah terbaik bagi merawat jiwa dan mendidik perilaku terpuji dalam diri. Berikut merupakan kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini;




Rajah 1.1 Kerangka Teori Kajian

## 1.10 Kerangka Konsep

Kajian ini akan mengkaji tentang hubungan diantara faktor yang mempengaruhi tingkah laku pornografi dalam kalangan remaja (pelajar sekolah menengah). Terdapat tiga faktor yang akan dikaji iaitu media massa, rakan sebaya dan teknologi. Kajian ini juga akan melihat tingkah laku pornografi yang berlaku dalam kalangan pelajar sekolah pada masa kini.

Selain itu, kajian turut melihat bagaimana perlaksanaan ibadah yang baik mampu mencegah penglibatan pelajar sekolah dengan tingkah laku pornografi. Perlaksanaan ibadah yang dimaksudkan dalam kajian ini meliputi amalan solat, berpuasa dan membaca al-Quran. Ketiga-tiga amalan ini diberi perhatian dalam kajian ini kerana ketiga-tiga amalan ini merupakan antara amalan yang utama dalam agama Islam dan mampu mendisiplinkan penganutnya dalam mengawal nafsu seperti melihat pornografi. Rajah dibawah menerangkan kerangka konsep yang digunakan dalam kajian ini;




Rajah 1.2 Kerangka Konsep Kajian

## 1.11 Definisi Istilah

Bahagian ini membincangkan tafsiran maksud istilah yang digunakan dalam penyelidikan ini bagi memastikan pembaca tidak salah faham dengan istilah utama yang digunakan. Tafsiran istilah penting untuk dibuat oleh pengkaji kerana setiap istilah yang digunakan dalam penyelidikan ini mungkin berbeza dengan definisi umum yang sering digunakan.

### 1.11.1 Pornografi

Pornografi merupakan perkataan yang mewakili idea seksual secara terbuka atau terang-terangan melalui lukisan atau tulisan (Nor Azah, 2009). Selain itu, pornografi juga di definisikan sebagai gambar, lakaran, ilustrasi, tulisan, bunyi, gambar bergerak, animasi, kartun, perbualan, gerak isyarat, atau bentuk mesej lain melalui pelbagai bentuk komunikasi media yang mengandungi kelakuan seksual atau eksploitasi seksual yang melanggar norma moral dalam masyarakat (Mahsiani,

2018). Menurut Kamus Dewan (2007), pornografi di definisikan sebagai bahan bertulis atau visual yang mampu merangsang keinginan seksual dan bertujuan untuk memberahikan pemerhati atau pembaca. Berdasarkan definisi tersebut dapat di fahami pornografi merupakan bahan yang memaparkan bentuk tubuh badan dan juga aurat seseorang sama ada lelaki atau perempuan atau apa sahaja tingkah laku yang boleh menggambarkan perkara-perkara lucah. Istilah pornografi yang dimaksudkan dalam kajian ini bermaksud bahan-bahan yang berbentuk lucah seperti video lucah (VCD/DVD/internet), majalah, animasi dan juga iklan poster (promosi produk tertentu).

### 1.11.2 Tingkah Laku

Menurut Lewis (2001), menjelaskan tingkah laku merupakan sesuatu perbuatan atau tindakan yang dilakukan oleh seseorang sama ada secara sedar atau separa sedar. Tingkah laku pornografi merupakan sebahagian dari tingkah laku bermasalah. Tingkah laku bermasalah pula dapat difahami sebagai perbuatan yang tidak sepatutnya dilakukan oleh seseorang remaja atau pelajar sehingga mengganggu pembelajaran dan pengajaran serta kehidupan orang lain (Nurul Bahirah dan Mohd Jasmy, 2018). Istilah tingkah laku yang digunakan dalam kajian ini merujuk sesuatu perbuatan yang membawa kepada kepada tingkah laku dalam melihat bahan-bahan lucah demi merangsang keinginan seksual dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

### 1.11.3 Perlaksanaan Ibadah

Perlaksanaan ibadah merupakan gabungan dari dua patah perkataan iaitu “perlaksanaan” dan “ibadah”. Perlaksanaan boleh diertikan sebagai mengerja atau melakukan sesuatu pekerjaan atau suruhan Allah dan meninggalkan larangan-Nya (Kamus Dewan Edisi Ketiga, 2002). Manakala ibadah pula, membawa maksud ketaatan, tunduk dan merendah diri kepada Allah (Kamarul, 2016). Dalam kajian ini,

perlaksanaan ibadah diertikan sebagai melaksanakan segala amalan atau suruhan Allah (wajib atau sunat) dengan rela demi mendapat keredhaan-Nya.

### 1.11.4 Penghayatan Ibadah

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002), penghayatan bermaksud perbuatan menghayati, mengalami dan merasai dengan mata hati dan jiwa. Hal ini, bermaksud penghayatan merupakan sesuatu perbuatan dengan matlamat memperbaiki diri. Berdasarkan kajian lepas, tiada aspek penghayatan ibadah yang di sentuh dalam kalangan penganutnya (Islam) tetapi lebih diberi penenkanan tehadap kebaikan yang diperoleh apabila melakukan amalan wajib dan sunat yang terdapat dalam agama Islam seperti solat, puasa dan sebagainya. Istilah penghayatan yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada amalan agama (Islam) yang dipelajari, difahami dan di amalkan dengan bersungguh-sungguh demi mendekatkan diri dengan yang Maha Esa. Kajian yang dilakukan ini akan memberi penekanan terhadap aspek penghayatan ibadah dalam kalangan pelajar iaitu solat, puasa dan membaca al-Quran.

### 1.11.5 Media Massa

Mohammad Rezal (2016), dalam kajiannya massa atau diertikan sebagai media sosial ditafsirkan sebagai aplikasi yang menggabungkan pelbagai fungsi sosial seperti kerjasama, perkongsian, kebebasan, keterbukaan, interaktif dan penglibatan. Rulli Nasrullah (2016), media massa merupakan saluran rasmi yang menjadi alat komunikasi untuk menyebarkan berita dan pesanan kepada masyarakat dengan meluas. Bagi kajian ini, media massa dirujuk sebagai semua jenis bahan bercetak atau tidak bercetak yang tujuannya bagi menyebarkan maklumat atau mempromosikan sesuatu perkara kepada orang ramai.

### 1.11.6 Rakan Sebaya

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), rakan sebaya merupakan gabungan dari dua perkataan iaitu rakan dan sebaya. Rakan merujuk kepada kawan atau teman yang ada pada seseorang. Manakala perkataan sebaya pula merupakan mereka yang seusia atau sama umur atau dibesarkan bersama. Dalam kajian ini, rakan sebaya ditakrifkan sebagai rakan atau kawan yang seusia atau hampir sama usia dengan seseorang.

### 1.11.7 Pengaruh Teknologi

Dalam kajian ini, teknologi merupakan alat yang dicipta bagi memudahkan penyampaian maklumat dilakukan kepada orang ramai atau masyarakat serta mudah untuk dikendalikan (digunakan, dibawa, disimpan dan sebagainya) tanpa memerlukan kos yang besar dan dapat memudahkan kehidupan manusia. Walaupun tujuan sesuatu teknologi dicipta adalah bagi memudah kehidupan manusia, namun teknologi turut memberi kesan negatif terhadap kehidupan seharian seperti kesan negatif kepada remaja pada masa kini.

Bagi Mazlan dan Amri (2009), menjelaskan teknologi merupakan sesuatu yang mampu memberi manfaat kepada kehidupan, namun perkembangan teknologi maklumat pada masa kini telah menyebabkan berlakunya genayah siber seperti penipuan, kerosakan atau pengubahsuaian ke atas program atau data komputer, kecurian maklumat, capaian secara tidak sah ke atas sistem, menyalin perisian secara tidak sah, pengintipan, judi siber, skim cepat kaya, pornografi, penggodaman, penyebaran virus dan mel spam. Berdasarkan kajian yang dijalankan ini, pengaruh teknologi ditakrifkan sebagai implikasi/kesan yang diterima oleh manusia apabila menggunakannya tanpa pemantauan dan kawalan serta menggunakannya dengan tujuan ataupun niat yang salah seperti melihat ataupun menyebarkan pornografi. Oleh itu, dalam kajian ini akan menumpukan bagaimana teknologi yang ada mampu menyebabkan berlakunya tingkah laku pornografi dalam kalangan pelajar sekolah

menengah disebabkan teknologi (gajet) dianggap sebagai suatu kebiasaan dan mampu dimiliki oleh sesiapa sahaja terdiri dari pelbagai lapisan sosial.

## 1.12 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab ini hanya membincang secara ringkas aspek-aspek penting kajian ini bagi memberi pemahaman awal kepada pembaca mengenai keselurahan kajian yang dilakukan. Antara aspek penting dibincangkan dalam bab ini ialah beberapa faktor yang dirasakan mempengaruhi tingkah laku pornografi dalam kalangan pelajar sekolah seperti faktor pengaruh media massa, rakan sebaya dan teknologi. Berdasarkan faktor tersebut, kajian ini seterusnya akan melihat peranan perlaksanaan ibadah dalam mencegah tingkah laku pornografi dalam diri pelajar. Akhir sekali, kajian ini turut mengkaji tahap tingkah laku pornografi dalam diri pelajar berdasarkan ibadah yang dikerjakan. Bab kajian yang seterusnya akan membincangkan gambaran keseluruhan konsep dan teori digunakan dalam kajian ini serta membincangan kajian lepas berkaitan dengan kajian ini sama ada kajian lepas dari dalam mahupun luar negara.

## RUJUKAN


A. Hameed, S. (2011). Effect of Internet Drawback on Moral and Social Values of User Education. *Australian Journal of Basic and Applied Science*, *5*(6): 372-380.

Abd Ghani, Z., & Abu Mansor, N. S. (2006). *Penghayatan Agama Sebagai Asas Pembangunan Pelajar: Analisis Terhadap Beberapa PandanganAl-Imam Al-Ghazali*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abd Manaf, A. R., Hillaluddin, A. H., Jamaluddin Z., Ahmad, N. A., Mohd Arshad, F. H., Mat Saad, Z., Md Zain, R., & Wan Abdullah, W. A. R. K. (2013). Pengetahuan Seksualiti Dalam Kalangan Pelajar Sekolah. *Jurnal Pembangunan Sosial*, Vol. 16, pp. 15-31.

Abdul Aziz, A., Jusoh, Omar, A. R., Amlus & Awang Salleh, T.S. (2014). Construct Validity: A Rasch Measurement Model Approaches. *Journal of Applied Science and Agriculture*, *9*(12).

Abdul Aziz. A., Masodi, M. S., & Zaharim. A. (2013). *Asas Model Pengukuran Rasch Pembentukan Skala & Struktur Pengukuran*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abdul Aziz. N. A. (2009). Internet, Laman Web Pornografi Dan Kaedah Psikospiritual Islam Dalam Menangani Keruntuhan Akhlak Remaja Pelayar Laman Web Pornografi. *Jurnal Usuluddin*, Bil 29, 147-169, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Abdul Aziz. N. A., & Sahari C. Z. (2011). Menangani Permasalahan Laman Web Pornografi: Antara Perisian Penapis, Penguatkuasaan Undang-undang dan Amalan Spiritual. *Journal of Islamic and Arabic Education 3*(1), pp. 29-46. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Abdul H. S. (2016). Pengaruh Media Massa Terhadap Perubahan Sosial Masyarakat. *Journal of Social Sciences and Humanities,* 214-226. pp. 1823-884.

Abdullah, S.H. & Raman, S. (2001). Quantitative And Qualitative Research Methods: Some Strengths And Weaknesses. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan,* Jilid 17, 2000/2001.

Abdullah, Z., & Rahman, S. (2015). Kemahiran Meta-Tingkah Laku dan Kemahiran Membuat Keputusan Pelajar Bermasalah Disiplin dan Tidak Bermasalah Disiplin. J*urnal Pendidikan Malaysia*, *40*(2), pp175-183.

Abdullah Zakaria. (2008). Purba. *Jurnal Persatuan Muzium Malaysia*, Kuala Lumpur: United Selangor Press Sdn. Bhd.

Abdullahi, A. A., & Abdulquadri, N. T. (2018). *New Media and Adolescents' Sexual Behaviour in Sub-Sahara Africa: Linking Theories to Realities*. *SAGE Journals*.

Abu. Bakar, N. A. (2007). Pelacuran di Negeri Selat. *Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Abu Bakar, S. H., Abdullah, M., & Kamil M. (2012). 2419 Kes Seksual, Rogol. *Utusan Online*. Diunduh dari http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0419&pub=utusan_malaysia &sec=Dalam_Negeri&pg=dn_04.htm.

Afthanorhan, A., Awang, Z., & Fazella, S. (2017). Developing The Patients' Loyalty Model For Medical Tourism Industry: The Case Of Malaysia. *International Journal of Society Systems Science*, *9*(2), 139-164.

Ahmad, L. F., Ahmad, R. H., Mohd Nor A., & Zainuddin, N. S., (2016). *Merungkai Kelebihan Solat Tahajud Dalam Perspektif Sains*. Jengka: Universiti Teknologi MARA Pahang.

Ahmad, R., & Jusoh, A. J. (2008). Punca, Kesan Dan Langkah Untuk Menangani Tingkah Laku Seksual Pelajar Mengikut Pendekatan Kaunseling Islam. *Konvensyen Pendidikan Nasional.*

Ajat Sudrajat. (2005). Pornografi Dalam Perspektif Sejarah. *Jurnal HUMANIKA,* Vol.6, No 1.

Ak Basi, A. G. (2006). Pengaruh Keganasan Seksual Di Media Massa Ke Atas Masyarakat Umum. *Tesis Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian*. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.

Akhtar, M., I. (2015). *Research Design*. New Delhi: Jamia Millia Islamia.

Al-Achi, A. (2019). The Student's T test: A Brief Description. *Journal of Hospital and Clinical Pharmacy*.

Alavi, K., Nen, S., Ibrahim, F., Md. Akhir, N., Mohamad, M. S., & Mohd Nordin, N. (2012). Hamil Luar Nikah Dalam Kalangan Remaja. *Journal of Social Sciences and Humanities,* Vol. ( 7).

Alphonsus, Y. S. H. (2003). *Pengetahuan Seks Dan Sikap Terhadap Seks Di Kalangan Guru Sekolah Menengah.* Unversiti Kebangsaan Malaysia: Jabatan Psikologi.

Al-Quran. Surah Al-Isra'. Ayat 32.

Al-Quran. Surah Al-Ra'd. Ayat 11.

Al-Quran. Surah An-Nur. Ayat 30.

Anbia, M. J., Mohd, M. D. F. A., Mary, P., Dass, V., Salberi, N. S., & Bahudin, N. H. (2019). Buang Bayi Setiap Tiga Hari. *Metro Online*. https://www.hmetro.com.my/utama/2019/04/448917/buang-bayi-setiap-3-hari.

Anderson, T.W. (1984). *An Introduction to Multivariate Statistical Analysis*. New York: Wiley.

Annual, N. B., & Mohd Jasmy Abd Rahman, M. J. (2018). *Tingkah Laku Disruptif Dalam Kalangan Pelajar*. Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.

Annual Report Malaysia Communications and Mutimedia Commission. (2017). *Internet User Survey 2017: Statistical Brief Number Twenty-One, Malaysia: Malaysian Communications and Multimedia Commission*. Malaysian Communications and Multimedia Commission.

Aprita Yulia Lestari, Suherni, & Yuni Kusrniyati. (2015). Hubungan Intensitas Mengakses Situs Porno Dengan Perilaku Seksual Pranikah Remaja. *Jurnal Kesehatan Ibu dan Anak*, Vol ( 7).

As-Sayid Salim, S. A M., (2009). Ensiklopedia Fiqah Wanita Muslimah. v*cl. (1)*. Puchong: Berlian Publications Sdn. Bhd.

Astro Awani. (2017, Ogos 9). Kesan Ketagihan Pornografi Kepada Otak Sama Seperti Mengambil Kokain. Diunduh dari http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kesan-ketagihan-pornografi-kepada-otak-sama-seperti-mengambil-kokain-151902

Awang, A. (2011). *Penghayatan Ibadah Dan Kesannya Terhadap Hubungan Sosial Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Awang, Z. (2012). Research Methodology and Data Analysis 2nd Edition. Selangor: Universiti Teknologi Mara Press (UITM).

Awang, Z. (2015). *SEM Made Simple: A Gentle Approach to Learning Structual Equation Modeling*. Bangi: MPWS Rich Publication.

Awang, Z., Lim, S. H., & Zainudin, N. F. S. (2018). *Pendekatan Mudah SEM, Structual Equation Modelling*. Bangi: MPWS Rich Publication.

Ayu Khairunnisa. (2013). Hubungan Regusitas Dan Kontrol Diri Dengan Perilaku Seksual Pranikah Remaja Di Man 1 Samarinda. *e-Journal Psikologi, 1* (2): 220-229.

Azizi Yahaya & Mohd Sofie. (2010). *Teori-teori Tingkah Laku Berisiko*. Universiti Teknologi Malaysia: Fakulti Pendidikan.

Basalamah, R. N. (2014). Al-Hayâ' Sebagai Solusi Bagi Permasalahan Moral Bangsa. *e-Journal,* Vol (3) No. 2.

Borg, W. R., & Gall, M. D. (1989). *Educational Research: An Introduction 5th. Edn*. New York: Longman.

Burton, L., J., & Mazerolle, S., M. (2011). "Survey Instrument Validity Part I: Principles of Survey Instrument Development and Validation in Athletic Training Education Research." *ATHLETIC TRAINING EDUCATION JOURNAL*, *6*(1):27-35.

Conway, J. M., & Huffcutt, A. I. (2003). A Review And Evaluation Of Exploratory Factor Analysis Practices In Organizational Research. *Organizational Research Methods*, 6, 147–168.

CyberSecurity Malaysia. (2017). *Cyber SAFE- PARENTING, Ke Arah Kesejahteraan Siber*. Kuala Lumpur: Percetakan Mega Sdn Bhd.

Dailymail. (2017). Porn Addiction Measured by New Test Fron Psychologists. Diunduh dari http://www.dailymail.co.uk/sciencetech/article-4319424/Porn-addiction-measured-new-test-psychologists.html.

Daud, M. D., Harun, N.,& Johori M. R. (2014). Isu-Isu Penulisan Skrip: Masalah Yang Memerlukan Penyelesaian. *E-proceedings of the Conference on Management and Muamalah (CoMM 2014)*, 26-27.

David, L., Nicole, P., & Peter, F. (2014), *The Emperor Has No Clothes: A Review of the 'Pornography' Addiction Model*, (Vol 6), Issue 2, pp 94–105.

Dawi, A. H. (2007). P*endidikan Seks Satu Perspektif Sosial*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

DeVellis, R. F. (2003). *Scale Development Theory and Applications (2nd ed). Thousand Oaks*. California: Sage Publications.

Eki Rinaningputri. (2011). *Exploitasi Peremuan Dalam Iklan, Studi Semiotika Visualisasi Eksploitasi Perempuan Dalam Iklan Produk Guess Pada Majalah*

*Cleo dan Elle di Indonesia*. Indonesia: Universitas Negeri Sebelas Maret Surakarta.

Eric, W. O., Richard, J. B., Jill, C. M., & Reid, R. C. (2012). The Impact of Internet Pornography on Adolescents: A Review of the Research, *Sexual Addiction & Compulsivity*, 19:99–122.

Eva Nur Rachmah. (2013). *Hubungan Antara Sikap Terhadap Pornografi Dengan Perilaku Seks Bebas Pada Remaja Di Sma Negeri 1 Glenmore*. Universitas 45 Surabaya; Falkutas Psikologi.

Fawwaaz Davids. (2017). The Theory Of Planned Behaviour And The Entrepreneurial Event Model As Predictive Models Of Entrepreneurial Intention. (Tesis Sarjana), University of Capetown.

Grubbs, J. B., Exline, J. J., Pargament, K. I., Hook, J. N., & Carlisle, R. D. (2015). Transgression as Addiction: Religiosity and Moral Disapproval as Predictors of Perceived Addiction to Pornography. *Arch Sex Behaviour, 44:125–136*.

Gwinn, A. M., M. Lambert. N, D. Fincham. F., & K. Maner. J. (2013). Pornography, Relationship Alternatives and IntimateExtradyadic Behavior. *SAGE Journal*. *Social Psychological and Personality Science*, *4*(6) 699-704.

Hair, J. F., Sarstedt, M., Ringle, C. M., & Mena, J. A. (2012). An Assessment Of The Use Of Partial Least Squares Structural Equation Modeling In Marketing Research. *Journal of the Academy of Marketing Science*, *40*(3), 414-433.

Hamzah, H. (2001). *Kamus Za'ba*. Pustaka Antara Book Sdn. Bhd.

Hamzah, M. R. (2016). *Faktor Peramal Tingkah Laku Kesihatan Di Media Sosial Dalam Kalangan Pelajar Di Universiti Awam Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

*Harian Metro Online*., (2015). Porno Media Sosial. Diunduh dari https://www.hmetro.com.my/node/74724.

Hasnan, L. (2019). Are higher education rankings telling the truth?. *The ASEAN Post*. Diunduh dari https://theaseanpost.com/article/are-higher-education-rankings-telling-truth.

Hornour, G., DNP, CPNP & P-Sane (2020). Child and Adolescent Pornography Exposure. *Journal Pediatr Health Care*. (2020) 34, 191-199.

Ian, Y., Lim, M. L., & Abirami, D. (2014, Ogos 20). The Problem With Porn. *The Star Online*. Diunduh dari https://www.pressreader.com/malaysia/the-star-malaysia-star2/20150512/281479274986214

Ibrahim. A. F., Norismail. U. N., Amat Misra. M. K., & Mat Johar. M. H., (2019). Tahap Kasih Sayang Ibu Bapa Terhadap Remaja Yang Terlibat Dengan Keruntuhan Akhlak. *Jurnal Maw"izah*, Jilid 2 2019 : 71 - 78.

Idris N. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Malaysia: Mc Graw Hill.

Ismail, A. M., (2016). *Pengaruh Media Massa Terhadap Akhlak Pelajar*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Ismail, H. (2010). *Pengalaman Solat Fardu Di Kalangan Mahasiswa Di TATi Universiti Collage (TATiUC) Kemaman Terengganu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Jaafar, L. S. (2016). *Psikologi Kanak-kanak & Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jabatan Pendidikan Negeri Selangor. (2019). Dashboard Data Murid Selangor. Kementerian Pendidikan Malaysia. Diunduh dari http://jpnselangor.moe.gov.my/jpns/index.php/en/statistik-jpns/modul-pengurusan-murid-mpm

Jamsiah, M. & Hazlinda, H. (2009). Faktor pendorong salah laku sosial dalam kalangan remaja dalam daerah Melaka Tengah. *Jurnal of Community Health, 15*(1), 21-31.

Joibi, N. (2018, Julai 23). 5,000 Bayi Lahir Dari Remaja Bawah 18 Tahun. *Mstar Online*. Diunduh dari https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2018/07/23/lahir-bawah-umur

Jasmi, K. A. (2016). Ibadah. *Ensiklopedia Pendidikan Islam*, pp. 49-50.

Judith Riesman. (2008). Violance And Phornography As Atroctiles Of Despair. MIM Moriality In Media Inc. Diunduh dari http://www.morialityinmedia.org/index.htm?pornsEffectArticle/clineart.htm.

Junaidi. (2015). *Memahami Skala-skala Pengukuran*. Universitas Jambi: Falkutas Ekonomi da Bisnis.

Kail, R. V., & Cavanaugh, J. C. (2000). *Human Denelopment: A Lifespan View*. United States: Thomson Learning.

Kaiser, H. F. (1970). "A Second-Generation Little Jiffy." *Psychometrika*, *35*(4): 401-415.

Kalaisilven, S., & Sukimi, M. F. (2019), Kawalan Ibu bapa Terhadap Anak-anak dalam Penggunaan Media Sosial, *Jurnal Akademika*, *89*(1), pp. 111-124.

Kamarudin, N. (2015). Konsep Penyiasatan Menurut Syarak. *Jurnal Pengajian Islam, Akademi Islam Kuis,* Bil 8. Isu 2. ISSN 1823-7126.

Kamarul, A. J. (2017). *Masalah Seksual dalam Kalangan Remaja dan Penyelesaiannya***.** Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Kamis, A., Bakar, A. R., Hamzah, R., & Asmiran, S. (2012). Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kompetensi Rekaan Fesyen Pakaian (RFP). *Jurnal Pendidikan Malaysia, 37*(2)(2012). 11-19.

*Kamus Dewan Edisi Baru.* (1994). Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur.

*Kamus Dewan Edisi Ketiga*. (2002). Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur.

*Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia: Kuala Lumpur.

Kerlinger & Fred N. (1986). *Foundation of Behavioural Research*. New York: Harcourt Brace & Company.

Khan Chawdhury, M. R.H., Khan Chawdhury, M. R., Kabir, R., Parera, N. K. P., & Kader, M. (2018). Does the addiction in online pornography affect the behavioral pattern of undergrad private university students in Bangladesh? *Internasional Journal of Health Science, 12*(3): 67–74.

Kim, T. K. (2015). T test as a Parametric Statistic. *Korean Journal of Anesthesiology*. *68*(6): 540-546.

Kor, A., Zilcha-Mano, S., Fogel, Y. A, Mikulincer, M., Reid, R. C., & Potenza, M. N. (2014*)*. Psychometric Development of the Problematic Pornography Use Scale. *Addictive Behaviors,* 39 .01.027 0306-4603.

Krejcie Robert, V., & Morgan Daryle, W. (1970). Determining Sample Size Fpr Research Activities. *Educational And Psychological Measurement,* 30, 607-610.

Lam, C. B., McHale, S. M., & Crouter, A. C. (2014). Time with Peers from Middle Childhood to Late Adolescence: Developmental Course and Adjustment Correlates. *Author Manuscript, 85*(4): 1677–1693.

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2018). Laporan Tahunan Kementerian Komunikasi Multimedia Malaysia. Diunduh dari Penyebaran Pornografi di Internet. https://www.kkmm.gov.my/awam/faq/521-kenyataan-media.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Kepenggunaan. (2016). Laporan Tahunan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Kepenggunaan. Diunduh dari http://ebook.kpdnkk.gov.my/ebook/doc/LaporanTahunan2016/index.html.

Law of Malaysia (Act 574). (2015). Penal Code: Arrangement Of Sections, Malaysia: Percetakan Nasional Malaysia Bhd.

Lewis M. Beaker. (2001). *Democracy and Education*. New York: Macmillan.

Mahsiani Mina Laili, Herien Puspitawati dan Lilik Noor Yuliati. (2018). Is Parental Communication or Internet Use That Makes Pornography in Teenagers?, *Journal of Child Development Studies*, Vol. (03), No. 01, pp59-69.

*Malay Mail*. (2017). 697 Kes Buang Bayi Antara 2010-2016, Selangor Tertinggi. Diunduh dari https://www.projekmm.com/news/berita/2017/07/25/697-kes-buang-bayi-antara-2010-2016-selangor-tertinggi/1428641.

Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) (2017), Internet User Survey, Statistical Brief Number Twenty-Once, Selangor: Cyberjaya.

Malek, A, Abbasi Shokoohi, H., Faghihi, A. N., & Shafiee-Khajani, A. R. (2010). A Study On The Sources Of Sexual Knowledge Acquisition Among High School Students In Northwest Iran. *Archives of Iranian Medicine, 13*(6), 537-542.

Maritsa, AP. (2015). Pengaruh Kematagan Beribadah Haji Terhadap Kesehatan Mental Pada Individu Yang Telah Melaksanakan Ibadah Haji. (Tesis Sarjana). Indonesia: Univeritas Islam Negeri Riau Sultan Syarif Kasim Riau.

Markey, P. M. & Markey. C. N. (2015). *Online Pornography Seeking Behaviors*. Invited chapter in Zheng Yan (Ed.). *Encyclopedia of Cyber Behavior.* IGI Global: Hershey, PA.

Mattebo, M., Tyden, T., Haggstrom-Nordin, E., Nilsson, K.W., & Larssom, M. (2014). Pornography and Sexual Experiences Among High School Students in Sweden. *Journal Of Developmental And Behavioral Pediatrics*.

McManus A., & Dhar, L. (2008). Study Of Knowledge, Perception And Attitude Of Adolescne Girls Towards Stis/HIV, Safer Sex And Sex Education: (A cross sectional survey of urban adolescent school girls in South Delhi, India). *BMC Women's Health*, 8: 12.

Md Sham, F., Tan, Rohana., Adun, M. N., Ishak, A., Erman, H., Hasan, R., Sood, S. N., & Bintang, H. (2018). Penggunaan Bahasa Melayu dalam Pengurusan dan Pentadbiran di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Journal of Language Studies*.

Md. Tah I. K. (2015). Falsafah Undang-undang Hak Asasi Manusia (HAM) Menurut Dworkin: Satu Pengenalan, *Seminar Falsafah Malaysia III Institut Penyelidikan Anwar Ibrahim*. Selangor: Persatuan Pendidikan Falsafah Penyelidikan Malaysia.

Mehmet Mehmetoglu & Tor Georg Jakobsen. (2017). *Applied Statistics Using Stata, A Guide for the Social Sciences*, Singapore: SAGE Publications Asia Pacific Pte Ltd.

Mohamad Faizal & Mohd Zaki. (2014). Gejala Hubungan Seks Dalam Kalangan Pelajar: Satu Kajian Kes. *Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014.* Universiti Malaysia Sabah; Fakulti Psikologi dan Pendidikan.

Mohamed Zakaria, Z. B. (2007). Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik: Tinjauan Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Tahun Pertama Utm, Skudai (Tesis Sarjana). Universiti Teknologi Malaysia: Fakulti Pendidikan.

Mohd Khairul, D. Y., & Kamaluddin, M. R. (2017). Psikologi Tingkah Laku Seks Yang Berbahaya Dalam Kalangan Lelaki Dewasa Malaysia Yang Belum Berkahwin, Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia. *Journal of Social Science and Humanities*.

Mohd Manawi, M. A. (2014). Penghuni Syurga Menurut Pandangan Farkhr Al-Din Al-Rāzī: Tumpuan Terhadap Kitab Mafātīḥ Al-Ghay. *Jurnal Usuluddin,* 35: 25-46.

Mokmin Basri. (2012). *Model Polisi Maklumat*. Bangi: Selangor International Islamic University College (KUIS).

Morelli, M., Bianchi, D., Baiocco, R., Pezzuti, L., & Chirumbollo, A. (2017). Sexting Behaviors and Cyber Pornography Addiction Among Adolescents: the Moderating Role of Alcohol Consumption. *Sexuality Research and Social Policy*. Volume 14, Issue 2, pp 113–121.

*Mstar Online*. (2014, Ogos 20). Remaja 15 Tahun Rogol Ibu Kandung Ditahan.. Diunduh dari https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2014/08/20/remaja-rogol-ibu

Muhammad Adduat, Indriaty Ismail, Mutiaah. (2017). Kepercayaan: Tanasukh Al-Arwah dalam Islam dan Reinkarnasi dalam Hindu. *Jurnal Fikiran Masyarakat,* Vol. (5). No. 1.

Mulya Haryani, R., & Mudjiran, Yarmis S., (2016). Dampak Pornografi Terhadap Perilaku Siswa Dan Upaya Guru Pembimbing Untuk Mengatasinya. *Jurnal Ilmiah Konseling.* (vol 1).

Mustari, M. I. (2005). *Menjadi Belia Cemerlang*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Nadzi, S., Md Shamsudin, S., Abd Rahman, S. S., Mokhtar, A., & Md Razali, A. R. (2018). Isu-isu Pengabaian Solat Dalam Kalangan Remaja Di Negeri Selangor. E-Book of Masjid, Zakat and Waqf Management. 978-967-13087-4-5.

Nahar, N., Sangi, S., Baniear Salvam, D., Rosli, N., & Abdullah, A. H. (2017). Impak Negatif Teknologi Moden Dalam Kehidupan Dan Perkembangan Kanak-Kanak Hingga Usia Remaja. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, pp. 87-99.

National Health And Morbidity Survey (NHMS) 2017: Key Findings from the Adolescent Health and Nutrition Surveys. (2018). Institute for Public Health, National Institutes of Health, Ministry of Health Malaysia. Kuala Lumpur.

Ngah, N., Mohamad, H. F & Rosli, F. A. (2017, Julai 27). 13272 Kes Rogol Kanak-kanak Di Laporkan. *Berita Harian Online*. Diunduh dari https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/07/306192/13272-kes-rogol-kanak-kanak-dilaporkan

Nordin, E. H., Tyden, T., Hanson, U., & Larsson, M. (2009). Experiences Of And Attitudes Towards Pornography Among Group Of Swedish Hight School Students. *The European Journal of Contraception and Reproductive Health Care*, *14*(4):277–284.

Norman. M. A. A., & Othman. N. (2019). Pengaruh Dan Implikasi Tingkah Laku Pornografi Terhadap Kesan Psikologi Dalam Kalangan Remaja Di Malaysia. *Persidangan Kaunseling Profesional*. Hospital Rehabilitas Cheras.

Norramazonizni & Hanina. (2016). *Kajian Permasalahan Tingkah Laku Seksual Dalam Kalangan Belia Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Nunnally, J. C. (1978). *Psychometric theory* (2$^{nd}$ ed.). New York: McGraw-Hill.

Nur Yunus, F. A., Mohd Yasin, R., Rahim, M. B., & Che Rus, R. (2014). Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Pemindahan Pembelajaran Berdasarkan Pendekatan Model Rasch: Kajian Rintis. *First Technical and Vocational Education International Seminar 2014 (TVEIS 2014).*

Omar, N. A., & Zakaria, S. M. (2018). Hubungan Di Antara Gaya Keibubapaan Dan Kecerdasan Emosi Dengan Masalah Tingkah Laku Kanak-Kanak; Satu Sorotan. *Persidangan Kebangsaan Sarjana Muda Sains Sosial Dan Kemanusiaan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Omar, S., & Latip. M. (2015). Pengaruh Peranti Teknologi Kepada Perkembangan Sosial Dan Permasalahan Kesihatan Kanak-Kanak. Sarawak: Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu.

Osman, M., & Rahman A. A. (2009). *Penyalahgunaan Internet Di Kalangan Mahasiswa: Kajian Kes Di UiTM*. Terengganu: Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Othman, N., Mohd Salleh, S., Hussein, S., & Ab Wahid H. (2014). Assessing Construct Validity And Reliability Of Competitiveness Scale Using Rasch Model Approach. *WEI International Academic Conference Proceedings*. Indonesia: Bali.

Othaman, T. (2013). *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik*. Serdang: Universiti Putera Malaysia.

Othman, N. (2017). *Kesejahteraan Psikologi, Keseimbangan Kerja-Kehidupan Dan Kepuasan Hidup Dalam Kalangan Wanita Malaysia Di Kuala Lumpur*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan.

Othman, N., & Misman, S. S. (2010). *Persepsi Terhadap Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Minat Pelajar 4sph Dalam Bidang Keusahawanan*. Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository.

Pakianathan, P. Y. (2016). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Salah Laku Seksual Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Fakulti Pendidikan Dan Pembangunan Manusia.

Park, B. Y., Wilson, G., Berger, J., Christman. M., Reina, B., Bishop, F., Klam, W. P., & Doan, A. P. (2016). *Is Internet Pornography Causing Sexual Dysfunctions? A Review with Clinical Reports*. *Behavioral Sciences Journal*.

Patrick, M. M. & Charlotte N. M. (2012), Pornography Seeking Behaviors, *Encyclopedia of Cyber Behavior*, (vol. 3) pp 10.

Peter, J. and Valkenburg, P. M. (2016). Adolescents and Pornography: A Review of 20 Years of Research. *THE JOURNAL OF SEX RESEARCH*. *53*(4-5), 509–531.

Piaw, C. Y. (2006). Asas Statistik Penyelidikan. Buku 2. Kuala Lumpur: McGraw Hill Education

Piaw, C. Y. (2006). *Kaedah Penyelidikan: Kaedah Dan Statistik Penyelidikan.* Malaysia: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.

Piaw, C. Y. (2009). Statistik Penyelidikan Lanjutan. II. Ujian Regresi, Analisis Faktor Dan Analisis SEM. Buku 5. Malaysia: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.

Piaw, C. Y. (2013). *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan: Asas Statistik Penyelidikan, Analisis Data Skala Likert*. Malaysia: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.

Piaw, C. Y. (2016). *Mastering Research Methods*. Shah Alam: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.

Pitchan, M. A., Omar, S. Z., & Ahmad Ghazali, A. H. (2019). Amalan Keselamatan Siber Pengguna Internet terhadap Buli Siber, Pornografi, E-Mel Phishing dan Pembelian dalam Talian. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, Jilid *35*(3) 2019: 212-227.

*QS Top Universities Rangking*. (2019). Diunduh dari https://www.topuniversities.com/university-rankings/world-university-rankings/2020.

Rahmania, T., & Haryanto, H. C. (2017). Persepsi Pornografi Pada Anak (Studi Pendahuluan Pada Siswa Kelas 5 Sekolah Dasar Islam "X"). *Jurnal Ilmiah Psikologi*, Vol.(8) No. 1, pp. 55-74.

Rulli Nasrullah. (2016). *Teori dan Reset Media Siber*. Indonesia: Prenadamedia Group.

Santoso, P., Putra, I. G. N., Karim. A. G., Arfani, R. N., Sujito, A., Djuni Prihatin, S., & Margono, S. A. (2004). Film Propaganda: Ikonografi Kekuasaan. *Jurnal Ilmu Sosial dan Ilmu Politik*, Volume 8, Nombor 1.

Sekaran, U., & Bougie, R. (2003). *Research Methode of Business*: *A Skill-building Approach*. United Kingdom: John Wiley & Sons Ltd.

Shahar. M., F. H. (2018, April 1). Ketagihan Pornografi Rosakkan Otak. *Berita Harian Online*. Diunduh dari https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2018/04/406081/ketagihan-pornografi-rosakkan-otak

Sharipul, B. N. (2018). Malaysia Paling Tinggi Cari Bahan Pornografi Internet. *Utusan Online*. Diunduh dari

http://www.utusan.com.my/berita/nasional/malaysia-paling-tinggi-cari-bahan-pornografi-di-internet-1.628212.

Sheikh Salim, S. O. (2002). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siti Nor, Y., Wong, F. P., Rozumah, B., Mariani, M., Rumaya, J., & Mansor, A.T (2010). Factors Related To Sexual Knowledge Among Malaysian Adolescents. *Jurnal Kemanusiaan*, vol (16).

Skinner, B. F. (1965). *Science And Humans Behavior*. New York: The Free Press.

Skinner, B. F. (1977). Herrnstein And The Evolution of Behaviorism, *Journal of American Psychologist, 32*(12), 1006-1012.

Sumaiyah Sulaiman, S., Omar, R., Pilus, M., & Zainal, A. R. (2012). Kefahaman, Pelaksanaan Penghayatan Solat Bakal Guru. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam*. Negeri Sembilan: Seremban.

Suruhanjaya Kumunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). (2012). Komunikasi dan Multimedia. Buku Maklumat Statistik. Selangor: Cyberjaya.

Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM). (2018). Laporan Prestasi Rangkaian 2017: Pengukuran Prestasi Jalur Lebar dan Panggilan Suara Malaysia. Selangor: Cyberjaya.

Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM). (2019). Pentingnya Didikan Keselamatan Interner. 21 Mei 2019. Diunduh dari https://www.mcmc.gov.my/ms/media/press-clippings/pentingnya-didikan-keselamatan-internet

Tamuri, A. H., & Ismail, Z. (2004). *Pengaruh Media Massa Terhadap Pegangan Nilai Akhlak Remaja: Kajian ke atas Fakir Miskin di Kawasan Luar Bandar*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Teks ucapan Perasmian dan Ucaptama oleh YAB Dato' Seri Dr Wan Azizah, (2018 Julai 22). *Seminar SToP, Sekeluarga Tolak Pornografi*. Tuaran: IPG Kampus Kent.

Thorndike, R. M., Cunningham, G. K., Thorndike, R. L., & Hagen, E. P. (1991). *Measurement and Evaluation in Psychology and Education* (5th ed). Macmillan Publishing Co, Inc.

Timothy, R. K. (2014). The Moderating Effects Of Religious Commitment On The Link Between Pornography Use And Negtive Outcomes (Tesis Sarjana). Lynchburg: Liberty University.

Todd Love, T., Laier, C., Brand, M., Hatch, L., & Hajela, R. (2015). Neuroscience of Internet Pornography Addiction: A Review and Update. *Behavioral Science,* (5). 388-433.

Tunggak, B., Ngadi, S., & Abu Naim, H. (2015). Delinkuen Pelajar Dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja/Pelajar Muslim Bersepadu. *Jurnal Hadhari, 7* (2) (2015) 11-30.

Undang-undang Malaysia (Akta 301) (2012). Akta Mesin Cetak Dan Penerbitan 1984. Percetakan Nasional Malaysia Bhd.

Undang-undang Malaysia (Akta 588) (2006). Akta Komunikasi dan Multimedia 1988. Percetakan Nasional Malaysia Bhd; Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia Di bawah Kuasa Akta Penyemakan Undang-Undang 1968.

Undang-undang Malaysia (Akta 792). (2017). Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017. Percetakan Nasional Malaysia Bhd.

*Utusan Online*. (2016). Awasi Ketagihan Pornografi. Diunduh dari http://www.utusan.com.my/rencana/forum/awasi-ketagihan-pornografi-1.379045.

*Utusan Online*. (2017). 12025 Kes Rogol Kanak-kanak Sehingga Oktober Tahun Lalu. Diunduh dari http://www.utusan.com.my/berita/nasional/12-025-kes-seksual-kanak-kanak-sehingga-oktober-tahun-lalu-1.456447.

Wahyu Ningsih. (2016). *Pengetahuan Dan Sikap Terhadap Video Pornografi Di Internet Dalam Kalangan Remaja*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Wan Ismail, W. F. (2011). Kesan & Akibat Kehamilan Remaja. Portal Rasmi MyHEALTH Kementerian Kesihatan Malaysia. Diunduh dari http://www.myhealth.gov.my/kesan-a-akibat-kehamilan-remaja/.

William, J. & Skinner. (1975). *Behaviorism, Reinforcement, and Interest*. Knoxville: University of Tennessee.

L.Ybarra, M., & J. Mitchell, K. (2005). Exposure to Internet Pornography among Children and Adolescents: A National Survey. *Cyber Psychology and Behavior*, Volume 8. Number 5.

Yandi Maryandi. (2018). *Pornografi Dan Pornoaksi, Perspektif Sejarah dan Hukum Islam*. Indonesia: Universitas Islam Bandung**.**

Yusof, M. Z., Basri, M., & Azan Zin, M. N. (2010). *Pembangunan Polisi Maklumat Di Malaysia*: *Peranan Perpustakaan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Yusof, R. (2004). *Penyelidikan Sains Sosial*, Bentong: PTS Publications & Distributors.

Zakaria M. Z., & Baharuddin., D. F. (2011). Ketagihan Seks Siber: Pengalaman Kaunselor Di Malaysia. *Perkama International Convention*. Bandung.